



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

PRAKATA

Persekitaran ekonomi dan kewangan global kini berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ketidaktentuan baru. Kita menyaksikan volatiliti pasaran kewangan global serta harga bahan api, makanan dan komoditi yang terus tinggi. Ini telah mengakibatkan peningkatan tekanan inflasi serta menjejaskan pertumbuhan ekonomi global.

Di sebalik fenomena global ini, ekonomi Malaysia telah berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh. Dalam tempoh separuh pertama tahun 2008, ekonomi negara telah berkembang pada kadar 6.7%. Asas keteguhan ekonomi negara didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, sebagai pemacu utama pertumbuhan. Pada masa yang sama, transformasi ekonomi negara yang ketara telah membawa kepada kepelbagaian sumber pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, sektor perkhidmatan merupakan pemangkin pertumbuhan yang semakin penting, sementara prestasi sektor pertanian terus berkembang hasil daripada harga komoditi yang tinggi.

Asas ekonomi Malaysia yang lebih pelbagai dan seimbang telah menyumbang kepada peningkatan fleksibiliti dan daya tahan negara untuk menghadapi volatiliti persekitaran global. Berlatarkan senario ini, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 5.7% pada tahun 2008. Seterusnya, Kerajaan yakin momentum pertumbuhan ini akan berterusan pada tahun 2009 dengan prospek KDNK berkembang pada kadar 5.4%.

Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk meningkatkan daya tahan ekonomi negara serta meringankan beban rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas daripada kesan negatif akibat tekanan inflasi. Kerajaan menyeru rakyat daripada segenap lapisan masyarakat untuk sama-sama berganding bahu dan menyumbang secara kolektif bagi memastikan negara terus berkembang maju dan makmur.

Langkah ini memerlukan usaha bersepadu sektor swasta dan awam menangani risiko pertumbuhan ekonomi global yang perlahan, terutamanya jika berlaku kemelesetan ekonomi yang lebih ketara di kalangan negara maju. Justeru, kita mesti terus berusaha dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti, pembangunan modal insan serta pengurangan kos agar negara dapat kekal kompetitif.


Dalam menyusuri sejarah ekonomi negara, kita telah menempuh beberapa tempoh yang mencabar. Alhamdulillah, kita telah dapat menangani cabaran dan dugaan tersebut dengan jayanya. Dasar yang berhemat dan pragmatik, daya tahan ekonomi yang mantap, berserta kekuatan dan keazaman rakyat dalam menghadapi persekitaran yang lebih mencabar telah membolehkan ekonomi negara kita berkembang dengan lebih teguh. Oleh itu, Kerajaan yakin kita akan terus mempunyai daya tahan, kebolehsuaian serta keupayaan untuk menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran pada masa akan datang. Marilah kita sama-sama berusaha untuk merealisasikan Misi Nasional serta membina masa depan yang lebih cemerlang.



Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
Menteri Kewangan

Putrajaya
29 Ogos 2008


EKONOMI NEGARA 2009 PADA HARGA MALAR 2000




¹ Termasuk perubahan stok.

BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2009

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN



¹ Terdiri daripada hasil, pinjaman dan penggunaan aset kerajaan.

² Tidak termasuk simpanan luar jangka.